

# Berhasrat dalam bidang perundangan Islam

Berita dan Foto :  
Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Khamis, 29 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melahirkan lebih 1,000 graduan sejak Hafiz Al-Takharruj Pertama pada tahun 2011.

Dengan penerimaan ijazah bagi setiap graduan, mereka diharap akan terus menyumbang jasa bakti dalam alam pekerjaan dengan membawa nilai-nilai yang diterapkan, iaitu Taqwa, Berkepimpinan, Cemerlang, Integriti dan Berwawasan.

Ini adalah solasir dengan misi UNISSA bagi melahirkan pemimpin bertaqwa dan berwibawa yang menyumbang kepada pembangunan ummah melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Salah seorang graduan Sarjana dalam bidang Syariah, Dayang Hajah Nur Anat Syarifah Binti Haji Othman ketika ditemui pada Majlis Hafiz Al-Takharruj Ke-9 UNISSA di Pusat Persidangan

Antarabangsa, di sini, berkata, ilmu yang diperolehnya dari universiti berkenaan akan beliau gunakan sebaiknya untuk mendidik anak bangsa agar mereka menjadi insan berguna kelak.

"InsyaAllah, jika dipermudahkan saya berharap dapat melanjutkan lagi pengajian ke peringkat Doktor Falsafah bagi memperkembangkan pengetahuan saya," kata tenaga pengajar di salah sebuah sekolah Arab itu.

Sementara itu, Awang Abdul Yamin bin Abdul Kadir, graduan Diploma Lepasan Ijazah dalam Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie melahirkan harapan untuk meneruskan lagi pengajian dalam bidang berkaitan dalam bidang undang-undang syariah.

Menurutnya, Negara Brunei Darussalam telah pun mula menguatkasakan Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan mendalami bidang berkenaan adalah merupakan satu kelebihan.



GRADUAN Sarjana dalam bidang Syariah, Dayang Hajah Nur Anat Syarifah Binti Haji Othman.



GRADUAN Diploma Lepasan Ijazah dalam Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie, Awang Abdul Yamin bin Abdul Kadir.



GRADUAN Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dayang Suziyaney binti Md. Zin.

Dayang Suziyaney binti Md. Zin, salah seorang Graduan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam pulu berkata, beliau memiliki jurusan tersebut bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ingin melihat lebih ramai pihak mencebur ke bidang keusahawanan.

"Bidang yang saya pelajari ini mempunyai kaitan dengan keusahawanan. Oleh itu, saya berharap akan dapat menimba pengalaman dalam perniagaan sebagai salah satu kerjaya suatu hari nanti," katanya.

## Menjunjung kasih atas pengurniaan Bintang



AWANG Haji Rusali bin Awang Haji Sapar.



DAYANG Suize binti Orang Kaya Pekerma Dewa Seri Laila Jasa Awang Lukan.



AWANG Haji Shahnon bin Awang Haji Ahmad.



AWANG Haji Sufri bin Haji Tengah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 28 Ogos. - Para penerima Pingat Bintang - Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran tersebut pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Pegawai Pertanian, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Rusali

bin Awang Haji Sapar ketika ditemui oleh Pelita Brunei berkata, beliau bersa rasa sangat gembira dan melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Bintang Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B).

"Ini adalah merupakan anugerah begitu bermakna yang saya terima, yang mana sebelum ini saya telah dianugerahkan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.), Pingat Kerja Lama (P.K.L.)," ujarnya.

Manakala penerima pingat Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B), iaitu Dayang Suize binti Orang Kaya Pekerma Dewa Data Seri Laila Jasa Awang Lukan telah berkhidmat selama 20 tahun di bantuan Kastam Diraja Brunei.

Mereka bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM kerana telah memperkenankan Pengurniaan Bintang P.S.B.

"Pengurniaan tersebut adalah pendorong bagi meningkatkan mutu kerja, terutama sekali di dalam mentadbir urusan yang berkaitan dengan pekerjaan dan semestinya akan membawa hasil yang memuaskan," jelasnya. Sementara itu, Guru Sekolah

Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Awang Haji Shahnon bin Awang Haji Ahmad menyatakan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM kerana diberikan penghormatan tersebut.

Selain itu, beliau juga telah dianugerahkan P.I.K.B dan P.K.L.

Dengan pengurniaan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kelima (P.U.B) ini, jelasnya

merupakan satu pengiktirafan amat berharga bagi beliau sepanjang berkhidmat dengan kerajaan, yang mana sekali gus akan memanfaatkan lagi semangat beliau untuk berusaha dengan lebih gigih serta berazam untuk mempertingkatkan lagi

produktiviti, kredibiliti, kreativiti, iltizam dan disiplin walaupun beliau kurang upaya.

"Tiada alasan untuk kita tidak menjalankan tugas dengan baik apakah lagi jika kita dalam keadaan sihat. Tanggungjawab itu penting dan apa yang saya peroleh hari ini diharap akan dapat menjadi penyuntik semangat agar melaksanakan tugas dengan baik tidak kira sama ada di sektor kerajaan atau swasta kerana setiap kerjaya yang baik itu pasti akan diilah keberhasilannya," ujarnya.

Melalui pengurniaan ini, beliau juga menyarakkan kepada para pelapis pegawai kerajaan untuk sentiasa bekerja dan berusaha dengan gigih, rajin, komited dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh disiplin, jujur, amanah dan ikhlas serta memiliki ketahanan daya mental dan fizikal yang kuat dalam melakukan sebarang tugas yang diarahkan tanpa mengira masa atau waktu yang ditetapkan.

Bagi Awang Haji Sufri bin Haji Tengah penerima Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Keempat (S.U.B) menyatakan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan agar berkhidmat dengan cemerlang, jujur dan amanah semasa melakukan tugas serta sabar dalam menghadapi cabaran.

"Sudah setentu yang berasa gembira dan bersyukur ke hadrat Ilahi kerana ini merupakan satu penghargaan selama saya berkhidmat bersama Kerajaan Kebawah DYMM selama lebih 20 tahun," katanya.